



ENAM penerima biasiswa KWPPPL yang boleh melanjutkan pelajaran dalam bidang masing-masing.

**PELABUHAN KLANG:** Enam pelaut tempatan menerima penajaan biasiswa daripada Kumpulan Wang Pusat Perdagangan Laut (KWPPPL) yang ditawarkan buat kali pertama bagi memajukan kerjaya di Institusi Latihan Pelita.

Program biasiswa KWPPPL dilancarkan selaras hasrat Jabatan Laut untuk meningkatkan bilangan pegawai kapal bagi pelayaran pesisir pantai negara.

Ketua Pengarah Laut Jabatan Laut Malaysia merangkap Pengerusi KWPPPL, Datuk Kapten Ahmad Othman, berkata biasiswa itu khusus bagi pelaut tempatan dan ia merangkumi yuran serta kos saraan harian ketika menghadiri kursus.

Katanya, sebagai permulaan, program biasiswa itu hanya dihadkan kepada pelayaran pesisir pantai selaras hasrat jabatan meningkatkan jumlah pelaut pesisir pantai.

## Enam pelaut terima tajaan biasiswa

“Saya harap melalui program ini, pelaut tempatan yang berkendiri tinggi berpeluang meningkatkan prestasi sehingga ke peringkat nakhoda atau ketua jurutera.

“KWPPPL juga memberi pengiktirafan kepada syarikat perkapalan MISC Berhad kerana mengambil ramai pelaut tempatan dan pengiktirafan kepada Akademi Laut Malaysia selaku institusi latihan maritim yang mengeluarkan kadet pelaut paling tinggi,” katanya ketika berucap di Hari Terbuka Pelaut sempena Aidilfitri.

Sementara itu, seorang penerima termuda biasiswa, Mohd Zamani Mohd Hanafi, 22, menyifatkan peluang keemasan melanjutkan pelajaran itu tidak harus dilepas-

kan begitu saja.

“Saya amat gembira kerana terpilih mendapat bantuan biasiswa dan elaun sara hidup sehingga tamat pengajian. Saya akan berusaha bersungguh-sungguh untuk meningkatkan mutu kerja,” katanya yang sudah tiga tahun bertugas sebagai pelaut.

Seorang lagi penerima, Khairul Anuar Mat, 36, menyambut baik inisiatif pemberian biasiswa kerana ia membuka peluang baru untuk semua pelaut khususnya tempatan.

“Oleh kerana kos melanjutkan pelajaran dalam bidang yang kami ambil ini memerlukan perbelanjaan yang tinggi, biasiswa ini sudah tentu banyak membantu”, katanya.